

Kahwin dan Masyarakat Berumahtangga

Hukum Perkahwinan Islam Sebaik-Sebaik Hukum

Manakala saya hendak memperkatakan tentang “Hukum Perkahwinan dalam Kesejahteraan Keluarga” tentu saya tidak akan melepaskan diri saya dari agama Islam yang saya peluk dan pelajaran kedoktoran yang saya dapati, bahkan pandangan Islamlah yang akan saya pakai sebagai bahan membicarakan soal yang maha penting ini.

Marilah saya bawa saudara-saudara meninjau sejarah perhubungan kelamin manusia, sejauh yang ada kedapatan dalam buku-buku.

Mengenai ini ada dua teori:

1. Teori *evolution* (perubahan yang tidak menggunakan kekuatan – P.) Menurut faham Darwin, iaitu bahawa manusia pada permulaannya hidup bebas, belum mempunyai bentuk perkahwinan, hidup sebagai kumpulan haiwan

Pada akhirnya timbullah “perkahwinan perseorangan”, kerana manusia sudah mempunyai tempat yang tepat, si lelaki menghendaki adanya seorang perempuan yang tertentu bagi mengurus rumahtangganya. Itu tidaklah bererti bahawa bentuk-bentuk perhubungan kelamin antara lelaki dan perempuan akan seragam semua, kerana di mana-mana sekarang masih kedapatan pergaulan lelaki dan perempuan dengan bebas, baik dalam pelacuran, mahupun dalam bentuk yang

lain-lain. Faham yang masih kedapatan bahawa perempuan itu ialah alat hidup untuk lelaki.

Teori *evolution* ini tidak dapat dibenarkan dan diterima oleh orang-orang yang beragama, baik agama Yahudi, Nasrani, mahupun Islam.

2. Menurut pendapat agama-agama ini, Allah Ta‘ālā telah mengatur hidup perkahwinan semenjak Adam dan Hawa dijadikan-Nya.

Sebagai seorang yang beragama dan percaya kepada Allah *subhānahu wa ta‘ālā*, maka perkahwinan ini ialah agama dan peraturan agamalah yang hanya akan dapat membawa kesejahteraan hidup berkeluarga dan peraturan yang dibuat oleh manusia tidaklah akan mungkin membawa kesejahteraan ini.

Ketiga-tiga agama ini pada asalnya tidaklah melarang beristeri banyak. Kita lihat bahawa agama Yahudi di Eropah dalam persidangan ahli-ahli agamanya di “Worms” pada kurun masihi yang kesebelas telah melarang poligami (beristeri banyak), demikian juga agama Nasrani telah melarang poligami dalam persidangan gereja-gereja pada tahun 1545 di Trinity.

Saya ulangi sekali lagi, bahawa larangan terhadap poligami ini bukanlah asli, tetapi datang

kemudian dengan keputusan-keputusan ahli-ahli agama dan sesudah beratus-ratus tahun kemudian.

Sampai saat ini Islamlah yang tetap berpegang teguh kepada hukum perkahwinannya iaitu pada dasarnya monogami (beristeri satu) dan mengutamakan dasar itu, tetapi tidak menutup pintu untuk dasar “beristeri banyak”.

Undang-undang Tuhan

Saya berkeyakinan bahawa Allah Ta’ālā membuat undang-undang perkahwinan itu, yang sesuai dengan sifat kekelakian dan keperempuanan dan mustahillah undang-undang ini akan berlawanan dengan sifat-sifat manusia.

Islam mengutamakan dan mendasarkan perkahwinan itu kepada bentuk monogami dan memang inilah bentuk yang ideal, tetapi Islam tidak menutup pintu kepada poligami.

Perkahwinan yang diatur oleh agama akan lebih kuat dan murni dari perkahwinan yang diatur tidak dengan agama, kerana agama ini memberikan kekuatan keyakinan.

Bila seorang Islam kahwin, maka dia kelak pada hari kemudian sesudah di dunia ini akan mempertanggungjawabkannya, bila buruk pimpinannya kepada Tuhannya. Keyakinan ini mendorong dia untuk berusaha memimpin hidup keluarganya dengan sebaik-baiknya. Tetapi kalau keyakinan ini tidak ada, maka ikatan perkahwinan dan tanggungjawab perkahwinan akan longgar, kerana mereka tidak akan memberikan tanggungjawabnya.

Dunia dapat diabui, tetapi Tuhan yang selalu melihat, mengawasi gerak geri manusia, tidak akan dapat diabui.

Maka sewajibnyalah keturunan baharu umat Islam kita mempelajari dan memahami serta mencuba mencari

pengertian apa yang tersembunyi dalam tiap-tiap peraturan itu, seperti rahsia apakah yang tersembunyi dalam hak talak hanya pada lelaki. Kalau kita ingin merenungkan dan memahami sifat-sifat kedua jenis manusia ini, maka kita akan mengatakan bahawa memang begitulah halnya.

Soal pokok

Sekali lagi saya ingin hendak ulangi bahawa kesejahteraan keluarga bukanlah terikat pada hukum perkahwinan, tetapi pada lelaki dan perempuan yang berkahwin itu. Tidak ada kesejahteraan begitu sahaja terjadi, tetapi kesejahteraan keluarga harus ditumbuhkan dan dipupuk oleh mereka berdua. Mereka mustahak mempelajari kehidupan perkahwinan ini dengan sebaik-baiknya.

Sudah siap

Serial Wanita 2

Hukum Bersuci

Buku ini disusun mengenai hukum-hukum bersuci bagi wanita. Dibuat serba ringkas dan mudah difaham.

Berguna untuk tiap-tiap rumah untuk mengajar anak-anak perempuan hukum bersuci.

Disusun oleh Ummu Muhsin.

Senaskhah 40 sen pos 10 sen.

Sekarang marilah kita mencuba membuat beberapa catitan untuk direnungkan.

Di negara-negara yang bermonogami (yang menjalankan dasar beristeri satu), terdapat pula “poligami gelap” (perempuan-perempuan simpanan) dijalankan dengan berleluasa.

Professor Fisher ada menyebutkan: Bahawa perempuan-perempuan simpanan dalam negara-negara monogami lebih banyak daripada poligami dalam negara-negara poligami.

Menurut Dr. Kinsey, di Amerika Syarikat, suami-suami lebih dari seperdua yang masih dan sedang kahwin, melakukan “poligami gelap” (mempunyai perempuan-perempuan simpanan).

Selain daripada itu terdapat pula perceraian yang terus meningkat dan banyaknya anak-anak yang tidak sah (tiap-tiap tahun 300 hingga 400,000 orang), tentu ini ialah hasil dari poligami gelap atau dasar menaruh perempuan-perempuan simpanan yang tersebut.

Di negara-negara yang berpoligami, jumlah lelaki yang berpoligami hanya dari 3 hingga 5 peratus, jadi monogami atau dasar beristeri satu yang dilakukan ialah 93 hingga 97 peratus, dan anak-anak yang tidak sah tidaklah seberapa jumlahnya bila dibandingkan dengan jumlah yang di negara-negara yang bermonogami (dunia Barat – P) Begitu juga tentang menaruh perempuan-perempuan simpanan.

(Pati buah Qalam Dr. Haji Ali Akbar)



Dato' Nik Kamil (kiri) Duta Persekutuan Tanah Melayu di Amerika, dan tuan Macintosh (tengah) Ketua Pengarah Jabatan Pinjaman Wang Amerika untuk pembangunan, sedang menandatangani surat perjanjian pinjaman 60 juta ringgit kepada Persekutuan Tanah Melayu untuk membina jalan-jalan raya. Upacara itu dijalankan di pejabat jabatan itu di Washington, baharu-baharu ini. Di kanan sekali ialah En. Ismail bin Muhammad Ali, Menteri Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu di Amerika.